BAHAN 1

Budaya mengadakan rumah terbuka ialah inisiatif yang sangat digalakkan kerana dapat mengeratkan silaturahim dalam kalangan masyarakat. Sebaik-baiknya, jemputan juga adalah terbuka sesuai dengan nama dan roh asalnya, iaitu rumah 'terbuka', bukanlah keutamaan perlu mengadakan jamuan besar-besaran dan seharusnya berbeza dengan kenduri kesyukuran. Tuan rumah juga dinasihatkan supaya jangan membeza-bezakan tetamu yang datang mengikut darjat dan gelaran.

Aktiviti rumah terbuka asalnya bertujuan baik adalah untuk memudahkan amalan ziarah-menziarahi, bermaaf-maafan dan mengeratkan silaturahim. Jamuan makanan pula ialah tanda kesyukuran dan meraikan tetamu yang bertandang. Jangan pula rumah terbuka dibuat dengan cara bermewah-mewah dan membazir, apatah lagi kalau bertujuan bersaing dan menunjuk-nunjuk. Di samping itu, tradisi rumah terbuka juga dapat memperkukuh hubungan perpaduan kaum sekiranya tetamu yang diundang berbilang bangsa. Tuan rumah perlu menghormati sentiviti kaum lain apabila ***menghidangkan juadah*** agar tidak menimbulkan salah faham.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Anjur rumah terbuka rapatkan silaturahim'
oleh Syahidatul Akmal Dunya,
Sinar Harian, 29 Jun 2019

LIVEWORKSHEETS

BAHAN 2

MELAKA : Gabungan kerjasama penduduk dan agensi kerajaan merealisasikan program Gotong-Royong Perdana Kampung Bukit Punggur. Menerusi program itu, penduduk bersama kakitangan agensi kerajaan membersihkan kawasan kampung, tanah perkuburan, surau, longkang dan mencantas pokok. Program itu menyaksikan budaya gotong-royong terus subur dalam kalangan masyarakat di peringkat kampung, sekali gus mewujudkan persekitaran yang bersih dan selamat.

Selain itu, program ini dilihat platform terbaik dalam memupuk perpaduan kaum apabila disertai penduduk pelbagai bangsa. Program itu dijayakan dengan kerjasama Jawatankuasa Penyelaras Dewan Undangan Negeri (Japerun) Telok Mas, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan SWM Environment Sdn Bhd (SWM). Selain membersihkan persekitaran kampung, peserta juga membaik pulih surau Bukit Punggur dengan mencuci dan mengecat surau semula. Surau yang dibina pada 1950-an itu masih digunakan sehingga sekarang dengan pelbagai aktiviti terus diadakan termasuk ceramah agama dan program kemasyarakatan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Budaya gotong-royong subur terserlah'
oleh Nazri Abu Bakar,
Berita Harian Online, 14 Oktober 2018

LIVEWORKSHEETS

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata ***menghidangkan juadah***. [2 markah]

menghidangkan	***juadah***

(ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan **persamaan** dan **perbezaan** kebaikan penganjuran rumah terbuka dan aktviti gotong-royong. [3 markah]

Persamaan	
Bahan 1 (Aktiviti rumah terbuka)	Bahan 2 (Aktiviti gotong-royong)
Perbezaan	
Bahan 1 (Aktiviti rumah terbuka)	Bahan 2 (Aktiviti gotong-royong)

LIVEWORKSHEETS

(iii) Usaha mengekalkan perpaduan kaum di negara ini amat mencabar.
Pada pendapat anda, apakah cabaran-cabaran mengekalkan perpaduan kaum di negara kita? [3 markah]

(iv) Sebagai rakyat yang cinta akan perpaduan, cadangkan langkah-langkah untuk memupuk sikap saling menghormati antara kaum. [4 markah]

LIVEWORKSHEETS